

PERJANJIAN MENTOR

Sebagai seorang mentor dan mentee di dalam Program Pementoran UiTM (Perak), kami bersetuju dengan kenyataan-kenyataan berikut:

Berkongsi Tanggungjawab

Setiap daripada kami adalah bertanggungjawab untuk:

- i. Bersedia menghadapi setiap perjumpaan Memastikan interaksi antara kami adalah rahsia.
- ii. Memastikan kami bertemu antara satu sama lain seperti yang dijadualkan dan mengadakan mesyuarat setiap bulan.
- iii. Menetapkan matlamat yang realistik bagi program inii
- iv. Berkomunikasi dengan cara yang penuh hormat dan memberi maklum balas yang jujur antara satu sama lain.
- v. Bersetuju terlebih dahulu mengenai cara-cara bagaimana setiap masalah dan kebimbangan dibangkitkan dan ditangani.
- vi. Menghormati masa dan sumbangan masing-masing.
- vii. Menilai hubungan dan perkembangan kami secara berterusan.

Tanggungjawab Mentee

Sebagai seorang mentee, saya dipertanggungjawabkan untuk:

- i. Menyatakan matlamat yang ingin saya capai di dalam hubungan pementoran ini.
- ii. Memikul tanggungjawab untuk melaksanakan mesyuarat di antara kami, mencadangkan agenda dan sentiasa bersedia untuk setiap mesyuarat dengan menghantar bahan-bahan terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.
- iii. Sentiasa menerima setiap tanggungjawab bagi pembelajaran dan pembangunan saya sendiri
- iv. Menghormati mentor dan sentiasa aktif di dalam proses pementoran.
- v. Mewujudkan hubungan dengan mentor-mentor lain bagi mendapatkan bantuan yang mentor sendiri tidak dapat berikan.

Tanggungjawab Mentor

Sebagai seorang mentor, saya dipertanggungjawabkan untuk:

- i. Membantu mentee untuk menetapkan matlamat yang realistik dan merancang strategi untuk mencapai matlamat tersebut.
- ii. Mendengar setiap permasalahan mentee dengan teliti, aktif dan menghormati mentee.
- iii. Membantu mentee mengutamakan matlamat-matlamatnya.
- iv. Membuat tindakan susulan kepada komitmen yang saya telah tetapkan kepada mentee.
- v. Membantu mentee untuk menyesuaikan diri dengan "*rules of the road*" dalam bidang akademik secara umum dan di UiTM secara khusus.
- vi. Memberikan informasi positif mengenai isu-isu yang akan mempengaruhi kerjaya mentee.
- vii. Membantu mentee memahami peringkat-peringkat di dalam perkembangan kerjaya dan juga membentuk kemahiran-kemahiran untuk mengendalikannya.
- viii. Memberikan bimbingan dan nasihat mengenai pembangunan kecekapan akademik, penyelidikan, pengajaran dan pengurusan kerjaya selaras dengan matlamat dan cita-cita mentee.
- ix. Membantu mentee menubuhkan rangkaian akademik: memberikan pengenalan kepada mentee dengan membantunya i mengenal pasti sumber dan peluang yang akan membantu mentee mencapai matlamat-matlamatnya

Mentee : _____ Mentor : _____

Tarikh : _____ Tarikh : _____